

MAHATHIR-PELABURAN 'R'R'R'  
1977

KUALA LUMPUR, 4 FEB. (BERNAMA) -- DR. MAHATHIR HARI INI MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PELABUR ASING BAHAWA PARA PEKERJA DI NEGARA INI INI TIDAK AKAN MENGAMBIL ALIH KILANG-KILANG MEREKA UNTUK MENUNJUKKAN SENTIMEN KEBANGSAAN MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, KELAKUAN PARA PEKERJA, KECENDERONGAN MEREKA UNTUK MOGOK DAN LAIN-LAIN BENTUK TINDAKAN PERUSAHAAN ADALAH FAKTOR-FAKTOR PENTING YANG MEMPENGARUHI KEPUTUSAN UNTUK MELABUR.

BERUCAP DI PERSIDANGAN MENGENAI PERNIAGAAN DI ASIA TENGGARA ANJURAN INSTITUIT PENYELIDIKAN STANDFORD DI SINI BELIAU BERKATA, +MALAYSIA BOLEH DIKATAKAN BEBAS DARIPADA KEKACUAN PERUSAHAAN DAN PARA PEKERJANYA BEBAS DARI BERPOLITIK, INI BERERTI BAHAYA TERSEBUT ADALAH KURANG.+

BELIAU BERKATA, SELAMA INI, SEMANGAT BERTANGGUNG JAWAB PARA PEKERJA MALAYSIA DAN KEBANYAKAN PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA YANG MERUPAKAN SATU +ASSET+ TELAH TIDAK DIBESAR-BESARKAN DAN DIBERI PUJIAN.

KATANYA, PARA PENGURUS KILANG-KILANG DAN LAIN-LAIN PERUSAHAAN ASING JARANG MENDAPATI PEKERJA-PEKERJA MALAYSIA DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA BERSIKAP TIDAK MENASABAH. -- BERSAMBUNG 1944/LK

MAHATHIR-PELABURAN 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

DR. MAHATHIR BERKATA, BARU-BARU INI TERDAPAT SATU PERASAAN BAHAWA KEPIMPINAN KESATUAN SEKERJA DAN SETENGAH DARIPADA PEKERJA MULA BERSIKAP TIDAK BERTANGGUNG JAWAB DAN MILITEN.

+TETAPI SEBAIK-BAIK SAJA PENJELESAN DIBERIKAN KEPADA MEREKA TENTANG PERKARA-PERKARA BERKENAAN DAN MENGENAI KESAN-KESAN TINDAKAN PERUSAHAAN TERHADAP NEGARA, MEREKA BERSIKAP SIUMAN SEMULA,+ TEGASNYA.

KATANYA, KERAJAAN MALAYSIA YAKIN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA ADALAH BERFAEDAH KEPADA PARA PEKERJA DAN TIDAK SYAK LAGI DENGAN ADANYA KESATUAN-KESATUAN ITU KEADAAN KERJA PARA PEKERJA TELAH MENJADI LEBIH BAIK.

BAGAIMANAPUN, TEGASNYA, KERAJAAN MALAYSIA TIDAK MEMBENARKAN PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA YANG BERNAFSU UNTUK BERKUASA MEMPENGARUHI KEGIATAN-KEGIATAN SAH KESATUAN SEKERJA. -- BERSAMBUNG 1950/LK

MAHATHIR-PELABURAN 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

DR. MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA TIDAK DAPAT MEMBERI JAMINAN KEPADA PELABUR-PELABUR ASING TIDAK AKAN TERDAPAT RISIKO APABILA MEREKA MELABUR DI SINI, TETAPI BELIAU MEMBERI JAMINAN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN LAIN-LAIN NEGARA, RISIKO ITU SANGATLAH BERKURANGAN.

BELIAU MEMBERITAHU MEREKA, DARI ASPEK-ASPEK TERTENTU RISIKO ITU JAUH BERKURANGAN BAHKAN DARIPADA APA YANG TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA MEREKA SENDIRI.

BELIAU BERKATA, DI KALANGAN NEGARA-NEGARA DI RANTAU INI BAHKAN DI ASIA, MALAYSIA MESTI AKAN TERUS MENGALU-ALUKAN PELABURAN ASING.

KATANYA, MEMANG TERDAPAT BANTAHAN-BANTAHAN TERHADAP KEMASUKAN MODAL ASING MAHUPUN TERHADAP PERUSAHAAN BEBAS, TETAPI BELUM PERNAH LAGI TERDAPAT KEKACUAN DAN PENGAMBILAN ALIH MILIK. -- BERNAMA